

# Tokoh DBP pejuang tulen martabat bahasa Melayu

## Sikap segelintir rakyat perlekeh keupayaan bahasa kebangsaan dalam bidang ilmu mesti diperbetul



**Anwar Patho Rohman**

wananwar@bharian.com.my

**H**ARI ini, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyambut ulang tahun ke-56 penubuhannya. Sepanjang tempoh itu, DBP menempuh perjalanan yang pelbagai rupa dan warna. Lembangan perjalanan hidup DBP untuk menjadi entiti penting memartabat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu dipenuhi corotan suka dan duka.

Namun, itu semua tidak merencatkan kematangan DBP sebagai badan berkanun yang 'menjaga, membela dan memelihara' bahasa Melayu di negara ini, apatah lagi silih berganti ia dipimpin tokoh dan pejuang bahasa Melayu yang komited meletakkan bahasa Melayu pada tempat sewajarnya.

DBP pernah cemerlang pada era Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Datuk Hassan Ahmad. Tidak dilupakan juga Datuk Johan Jaafar, Datuk Aziz Deraman dan ramai lagi. Mereka adalah antara tokoh pemimpin DBP yang lantang memperjuangkan isu berkaitan bahasa dan sastera.

Kini, DBP diterajui Dr Awang Sariyan sebagai Ketua Pengarah yang baru berkuat kuasa 1 Februari

lalu menggantikan Datuk Termuzi Abdul Aziz.

Awang, 59, boleh diakui sebagai bukan orang baru dalam kalangan warga DBP kerana pernah menjawat jawatan Pengarah Jabatan Bahasa, DBP, sebelum melepaskannya untuk berkhidmat di Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), sebagai Profesor Bahasa.

Dikenali sebagai pejuang bahasa dan sastera, Awang, ialah Penyanggand Pertama Kursi Pengajian Melayu di Pengajian Luar Universiti Beijing, China mulai Januari 2008 sehingga Julai 2011. Beliau pernah menjawat Pengarah Jabatan Bahasa, DBP; Profesor Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pelantikannya sebagai Ketua Pengarah DBP dianggap sebagai 'sirih pulang ke gagang' dan dianggap dapat menggerakkan DBP secara lebih agresif tetapi bersusila dalam usaha memartabat bahasa dan sastera Melayu dalam era globalisasi hari ini.

Bersempena ulang tahun ke-56 DBP, beliau menggariskan beberapa wawasan untuk memartabat bahasa Melayu iaitu hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang digunakan dalam semua urusan negara seperti dalam majlis rasmi, mesyuarat termasuk pada peringkat tinggi dan dalam dokumentasi atau persuratan seperti yang termaktub dalam Perkar 152 Perlembagaan.

Beliau berpendapat usaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak cukup hanya pada peringkat pentadbiran dan pendidikan, tetapi perlu lebih menyeluruh seperti dalam bidang undang-undang, media massa, perniagaan, ekonomi dan sains serta teknologi.

"Sebagai contoh, citra bahasa Melayu dalam ekonomi masih jauh daripada apa yang diharapkan. Nilai ekonomi pada bahasa Melayu tidak begitu diberi perhatian kerana sehingga sekarang kandungan perjanjian perniagaan masih ditulis dalam bahasa Inggeris.

"Bahkan, bahasa Melayu juga semakin dipinggirkan seperti pada kenderaan nasional. Apa yang berlaku ini menggambarkan citra negara menerusi bahasa Melayu tidak terpancar," katanya.

Beliau turut menyuarakan kekecewaannya apabila masih ada masyarakat di negara ini masih mem-

pertikai kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa maju dan menggambarkan ia sebagai 'bahasa mentah' sedangkan ia sudah berusia lebih 2,000 tahun.

"Bahasa Melayu pernah menjadi 'lingua franca' pada suatu masa dulu. Pada ketika itu, bahasa yang ditulis dalam perjanjian seperti dengan kerajaan Portugal dan Belanda ditulis dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu sudah terbukti menjadi bahasa persuratan, tetapi malangnya masih ada rakyat kita yang tidak yakin padanya pada hari ini," katanya.

Awang mengangap, jati diri rakyat Malaysia terhadap bahasa Melayu tidak sekuat bangsa lain di dunia seperti China. Di negara itu, kerajaannya menggalakkan rakyatnya mempelajari bahasa asing tetapi dalam urusan rasmi, bahasa Mandarin tetap digunakan.

Malah, pemimpin negara itu tetap berbahasa Mandarin apabila

bertemu dengan pemimpin luar dan mereka berkomunikasi menerusi perantaraan penterjemah.

"Kita amat berbangga jika ada pemimpin negara mampu melakukan perkara sama, berkomunikasi dengan pemimpin luar menggunakan bahasa Melayu. Kita perlu konsisten dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa negara," katanya.

Awang turut menyuarakan kebimbangannya berikutan muncul golongan rakyat yang memperlekeh bahasa Melayu dengan mengangapnya sebagai tidak relevan untuk diangkat menjadi bahasa ilmu dalam era globalisasi.

"Perkara ini menunjukkan kadar kefahaman rakyat terhadap Perkar 152 dan Dasar Bahasa Kebangsaan amat lemah, sedangkan dasar itu dibina sejak negara merdeka. Di sini kita boleh persoalkan kesetiaan mereka kepada negara," katanya.

DBP juga, kata Awang akan meneruskan usaha memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar ilmu yang utama selaras Dasar Bahasa Kebangsaan bagi menjamin keseimbangan pembangunan di negara ini.

"DBP akan terus meneruskan usaha mengangkat martabat bahasa Melayu, membina dan mengembangkannya menjadi bahasa ilmu yang merentas semua bidang seperti dalam ekonomi, undang-undang, pentadbiran, sains dan teknologi," katanya.



**DBP akan terus berusaha mengangkat martabat bahasa Melayu, membina dan mengembangkannya menjadi bahasa ilmu**

**Awang Sariyan**  
Ketua Pengarah DBP

